

KEMANGKATAN SULTAN AZLAN MUHIBBUDDIN SHAH

1928
2014

BH 29/5/14 MS 5.



“
Almarhum sangat komited terhadap kedaulatan undang-undang, hak asasi manusia dan kebebasan badan kehakiman”

Arifin Zakaria
Ketua Hakim Negara



Sultan Azlan Shah menerima surat pelantikan sebagai Ketua Hakim Negara daripada Timbalan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar di Istana Tetamu Kuala Lumpur pada 12 November 1982.

Hakim adil, tegas, sabar

» Almarhum komited terhadap kedaulatan undang-undang, hak asasi manusia

► Kuala Lumpur

Almarhum Sultan Azlan Shah yang pernah memegang jawatan Ketua Hakim Negara dikenali dalam kalangan anggota kehakiman dan perundangan sebagai seorang hakim yang adil, tegas dan sabar dalam menegakkan undang-undang.

"Saya pernah hadir di hadapan Almarhum dan baginda memberikan pendengaran yang adil dengan tidak mengganggu hujah kedua-dua pihak ketika perbicaraan," kata Ketua Hakim Negara, Tun Arifin Zakaria.

Arifin berkata, sifat adil dan sabar yang dimiliki Almarhum

seharusnya dicontohi hakim yang lain.

Malah, katanya, Almarhum sangat komited terhadap kedaulatan undang-undang, hak asasi manusia dan kebebasan badan kehakiman.

"Kesungguhan Almarhum terhadap kebebasan badan kehakiman dapat dilihat dalam penghakimannya dalam kes Sri Lempah Enterprise Sdn Bhd 1979, yang menjadi rujukan sehingga hari ini.

"Dalam kes itu, Almarhum membuat penghakiman bahawa setiap kuasa undang-undang perlu mempunyai batas undang-undang, jika tidak akan berlaku pemerintahan diktator," katanya kepada *BH*.

Arifin yang mempunyai pengalaman bekerja bersama Almarhum Sultan Azlan Shah ketika menjadi pendaftar di Mahkamah Tinggi pada 1976, juga menyifatkan baginda seorang hakim yang bijaksana.

Almarhum dilantik sebagai Ketua Hakim Negara yang ke-

empat pada tahun 1982 ketika usia 54 tahun dan meletak jawatan pada tahun 1984 untuk ditabalkan sebagai Sultan Perak ke-34. Baginda adalah ketua hakim negara paling muda dalam

INFO

Antara petikan daripada kes besar dikendalikan Almarhum Sultan Azlan Shah sebagai hakim

Kes Ooi Kee Saik, 1971

© Almarhum dalam penghakimannya berkata: "Kebebasan bersuara bukanlah hak mutlak, hak itu dilindungi selagi ia tidak melanggar undang-undang."

Ketua Pengarah Kastam v Ho Kwan Seng, 1977

© "Setiap tertuduh mempunyai hak untuk didengar berhubung keputusan yang membabitkan dirinya."

Kes Datuk Menteri Othman Baginda & Anor v Datuk Ombi Syed Alwi Syed Idrus, 1980

© "Perlembagaan harus ditafsir secara luas bagi mengiktiraf hak asasi seseorang."

sejarah Malaysia.

Almarhum juga menjadi hakim Mahkamah Tinggi paling muda dalam Komanwel pada tahun 1965 ketika berusia 37 tahun.

Tinggalkan legasi

Sementara itu, bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi, berkata Sultan Azlan Shah dilantik sebagai hakim ketika ayahnya, Tun Azmi Mohamed, memegang jawatan sebagai Ketua Hakim Negara.

Zaki berkata, ketika Almarhum menjadi hakim dan kemudian ketua hakim negara, baginda meninggalkan legasi dalam bentuk keputusan kehakiman yang sah.

"Alasan penghakiman baginda meletakkan prinsip undang-undang yang kukuh dan masih dijadikan rujukan, khususnya berkaitan Perlembagaan dan undang-undang pentadbiran.

"Malah, penghakiman baginda turut dijadikan rujukan dan diiktiraf oleh badan undang-undang antarabangsa," kata Zaki yang menyifatkan kemangkatan baginda sebagai kehilangan besar kepada negara.

Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail, menyifatkan Almarhum sebagai hakim yang ulung.

"Malah sehingga ke hari ini, kami (peguam) masih membaca penghakiman dan keputusan yang dibuat baginda untuk di-



Abdul Gani Patail



Zaki Azmi

jadikan rujukan ketika perbicaraan.

"Saya pasti, semua peguam akan mengingati jasa dan keunggulan Sultan Azlan Shah bukan saja dalam bidang perundangan, malah dalam pelbagai bidang lain," katanya.